



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA

APAD TIDAK AKAN BERKOMPROMI DENGAN SEBARANG AMALAN TIDAK ADIL DAN SAKSAMA DALAM SISTEM AGIHAN TEMPAHAN YANG DILAKSANAKAN KEPADA PEMANDU OLEH SYARIKAT PENGENDALI E-HAILING.

KUALA LUMPUR, 07 Ogos 2025 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius isu yang telah tular baru-baru ini **berkaitan amalan berunsur diskriminasi berasaskan bahasa dalam sistem agihan tempahan sebuah aplikasi perkhidmatan e-hailing** yang didakwa tidak memberikan agihan secara adil dan saksama kepada semua pemandu.

APAD ingin menegaskan bahawa semua perkhidmatan e-hailing wajib mematuhi syarat-syarat pelesenan dan syarat-syarat khas di bawah **Perkara 9, Keperluan Tahap Perkhidmatan (KTP) Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) Syarat Khas (Bahagian III – Operasi) Kenderaan e-Hailing** : *Pemegang Lesen hendaklah memastikan **sistem agihan tempahan** yang ditetapkan adalah **adil** dan **saksama** kepada semua pemandu*”.

Sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat tersebut merupakan **SATU KESALAHAN** yang boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 12A(9), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]. Sekiranya disabitkan kesalahan, pihak terlibat boleh didenda tidak kurang daripada **RM1,000** tetapi tidak lebih daripada **RM200,000** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **dua (2) tahun** atau kedua-duanya.

APAD komited untuk memastikan kesinambungan industri perkhidmatan e-hailing sebagai perkhidmatan pengangkutan awam yang adil, telus, dan inklusif, serta bebas daripada sebarang unsur diskriminasi terhadap semua pihak berkepentingan.

Sekian.

###Tamat###

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

07 Ogos 2025